

25 OCT 2001

Teksi-Tambang

PERSATUAN AMBIL TINDAKKAN TEGAS TERHADAP AHLI NAIK TAMBANG

TEMERLOH, 25 Okt (Bernama) -- Persatuan Pemandu Kereta Sewa/Teksi Daerah Temerloh, tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap anggota persatuan itu yang menaikkan harga tambang berikutan kenaikan harga petrol dan diesel mulai 20 Okt lalu.

Setiausaha persatuan Yaakub Uda berkata walaupun harga bahan api itu naik sebanyak 10 sen seliter, persatuan tidak boleh menaikkan tambang, tanpa mendapat kelulusan Kementerian berkaitan.

Menurutnya anggota persatuan yang didapati menaikkan tambang boleh digantung perjalanan harian serta boleh dilucutkan keanggotaannya.

"Kita telah memberi amaran kepada anggota bahawa persatuan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang mengenakan tambang mahal ke atas penumpang," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan, ketika membentangkan belanjawan 2002 pada 19 Okt, mengumumkan kenaikan harga petrol dan diesel sebanyak 10 sen seliter berkuatkuasa 20 Okt.

Yaakub berkata penumpang yang mendapati pemandu teksi telah menaikkan tambang, boleh melaporkannya kepada persatuan dengan mencatatkan nombor teksi, lokasi serta juga masa.

Setakat ini, persatuan belum menerima aduan mengenai anggota persatuan itu yang telah menaikkan tambang.

"Persatuan juga masih boleh bertahan dengan kadar tambang sekarang tetapi jika ia didapati benar-benar membebankan, kajian menaikkan tambang akan dikemukakan kepada pihak berkuasa," katanya.

Tambang yang dikenakan dari Temerloh ke Kemayan ialah RM5.00 seorang, Bera (6.00), Triang (RM3.00), Jengka (RM5.00), Jerantut (RM6.00), Bahau (RM10.00), Kuantan, (RM12.00), Kuala Lumpur (RM18.00), Maran (RM5.00) dan Segamat (RM15.00).

-- BERNAMA

HM HIS LAT